

Bah di Sabah, Sarawak belum surut

Air pasang besar burukkan keadaan

Oleh Misiah Taib, Suzianah Jiffar, M Hifzuddin Jkhsan, Badrul Kamal Zakaria, Zul Ikhsan Muhammad dan Asrol Awang
bhnews1@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan sekejap-sekejap di kebanyakan kawasan di Sarawak, ditambah dengan fenomena air pasang besar menyebabkan 4,820 mangsa daripada 1,120 keluarga kini ditempatkan di 16 pusat pemindahan banjir di negeri itu.

Keadaan itu menyebabkan 35,000 penduduk di Asajaya dan Sadong Jaya masih terputus hubungan darat dengan Kuching berikutan jalan utama dinaiki air antara 0.5 hingga 1.5 meter sejak empat hari lalu.

Di **KUCHING**: Kawasan terbaru yang menyaksikan penduduk dipindahkan ialah Pengkalan Pantu dalam Bahagian Sri Aman dengan 150 mangsa daripada 137 keluarga dipindahkan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hwa, Pantu.

Di Bahagian Kuching, seramai 2,274 mangsa daripada 483 keluarga ditempatkan di enam pusat pemindahan, diikuti 1,964 mangsa daripada 517 keluarga di Bahagian Samarahan ditempatkan di sembilan pusat pemindahan.

Di Sibul, 432 mangsa daripada 83

keluarga ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Arip.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri yang juga Pemangku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri, Datuk Misnu Taha, berkata hujan dijangka berterusan hingga Jumaat ini.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Fatimah Abdullah, berkata banjir kali ini di luar jangkaan tetapi kementerian sudah menambah pangkalan hadapan kepada 48 tahun ini berbanding 13 tahun lalu.

Beliau berkata, sembilan sekolah dan sebuah tadika digunakan sebagai pusat pemindahan, iaitu masing-masing empat di Kuching dan Samarahan serta masing-masing satu di Sri Aman dan Sibul.

Di **KOTA KINABALU**, jumlah mangsa banjir di Kampung Gum-Gum, Sandakan, kira-kira 350 kilometer (km) dari sini yang dipindahkan ke dewan serba guna kampung itu sejak Sabtu lalu kekal 351 orang, membabitkan 101 keluarga.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah, berkata hujan berterusan dan air pasang besar menyebabkan kawasan itu dinaiki air setinggi 0.2 meter.

Di Kudat, kira-kira 200 km dari sini, lebih 200 penduduk di Kam-



ZAINURI Putit, 40 membantu kanak-kanak naik ke rumah yang dijadikan pusat pemindahan sementara di Kampung Sadong Ulu, Sarawak, semalam.

pung Korina Sikuati, Bak-Bak dan Sri Aman terjejas akibat banjir setinggi 0.6 meter tetapi belum ada mangsa dipindahkan.

Di **KUANTAN**, seramai 567 mangsa banjir akibat fenomena air pasang besar di daerah Rompin masih ditempatkan di dua pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, berkata mangsa membabitkan 118 keluarga dari tujuh kampung, iaitu Kampung Mentara, Sarang Tjong, Pianggu, Setajam, Desa Wawasan, Garong dan Tambang.

"Mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan, iaitu 430 di Sekolah Kebangsaan (SK) Pianggu dan 137 di

SK Sarang Tjong," katanya.

Di **JOHOR BAHRU**, banjir di Johor semakin pulih dengan jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan semakin berkurangan berikutan cuaca baik di beberapa kawasan.

Sehingga jam 4 petang semalam, jumlah mangsa banjir yang masih ditempatkan di pusat pemindahan adalah seramai 1,190 berbanding 1,307 kelmarin.

Bagaimanapun, beberapa kawasan lain, terutama Mersing, Segamat dan Batu Pahat masih ditenggelami banjir.

Antara kawasan di Mersing masih terjejas ialah Bandar Endau dengan 248 penduduk dipindahkan dan diikuti Pengkalan Batu (164).

Benteng ombak pecah, Sebuyau terancam

SEBUYAU: Kira-kira 1,000 penduduk Kampung Sebuyau di sini, diancam bahaya setelah benteng penahan ombak sepanjang satu kilometer pecah dilanda air pasang besar dan ombak setinggi kira-kira lima meter sejak tiga hari lalu.

Ketua Kaum Kampung Sebuyau Baru, Sapiee Wasli, berkata kerosakan benteng konkrit itu menyebabkan ombak besar dan air pasang membanjiri kampung dan menjejaskan pasar, sebuah Pusat GiatMara serta dua sekolah rendah berdekatan.

"Kejadian paling teruk berlaku tiga malam yang lalu sehingga menyebabkan kami penduduk kampung tidak dapat tidur lena kerana ombak masuk ke rumah selepas benteng yang terletak hanya kurang 10 meter dari kampung kami itu pecah," katanya.

Katanya akibat kejadian, beberapa rumah tenggelam selain kerosakan harta benda penduduk seperti kenderaan.

"Paras air naik dengan begitu cepat sehingga penduduk tidak

dapat berbuat apa-apa dan keadaan bertambah buruk selepas bekalan elektrik turut terputus sejak malam kelmarin (Isnin).

"Ketika ini penduduk terpaksa berpindah ke surau berdekatan selain ada yang berpindah ke sebuah sekolah rendah kerana masih lagi bimbang dengan ancaman ombak besar," katanya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Rohani Karim yang melawat kampung itu, berkata pihaknya akan meminta kontraktor membaiki semula bahagian benteng yang pecah.

"Kita berharap penduduk bersabar dan segera berpindah ke tempat selamat jika keadaan masih lagi buruk," kata Rohani yang juga Ahli Parlimen Batang Lupar.

Kedudukan Sebuyau di muara Sungai Batang Lupar dan menghadap Laut China Selatan menyebabkan kampung itu sentiasa berdepan ancaman ombak besar dan arus air yang deras. BERNAMA



KENDERAAN melalui Jalan Kota Samarahan terpaksa meredah Jalan yang dinaiki air sedalam 0.5 meter.